

FARAH WAHEDA OTHMAN
ZETTY ASNIRA ABDUL RASHID
NORAZMIRA ABD RAHMAN

Asas Aplikasi **Canva**

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kolej Komuniti Pasir Salak, Kampung Gajah, Perak. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbit oleh :

Kolej Komuniti Pasir Salak
Jalan Lebuh Paduka
Changkat Lada
36800 Kampung Gajah, Perak
Malaysia

Tel : 05-655 2300

Faks : 05-655 2800

Laman Web : <https://kkpasirsalak.mypolycc.edu.my/>

e ISBN 978-967-166652-8-2

Prakata

Syukur ke hadrat Allah S.WT kerana dengan limpah kurnianya maka buku ini telah dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Buku ini merupakan pengenalan kepada bidang rekabentuk grafik menggunakan aplikasi Canva.

Dalam menyediakan buku ini, pelbagai cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi sebelum dapat menghasilkan sebuah buku yang mantap dari segi isi penyampaiannya. Buku ini menjelaskan kaedah untuk menghasilkan rekabentuk grafik yang boleh dicetak, dokumen dalam format PDF, invois, flyers, sehingga grafik untuk siaran di platform digital seperti infografik dan rekaan laman web. Bergantung kepada kemahiran dan kreativiti, anda boleh memulakan dengan rekaan sendiri sepenuhnya atau menggunakan templat sedia ada yang disediakan di Canva. Anda boleh menggunakan versi Canva sama ada melalui telefon pintar atau komputer peribadi.

Sepanjang yang saya ketahui, buku ini merupakan percubaan yang pertama dibuat dalam bahasa Melayu. Maka saya rasa tentu banyak kelemahan dan kekurangan dalam buku ini. Oleh itu, saya menerima dengan hati yang terbuka jika terdapat sebarang pandangan dan ulasan yang membina terhadap buku ini.

Wallahu'alam.

SENARAI

*Isi
Kandungan*


4	Senarai Kandungan
6	Pengenalan
8	Apa Yang Saya Boleh Lakukan Dengan CANVA?
10	Siapa yang menggunakan CANVA?
12	Mendaftar Akaun
20	Fungsi Carian
22	Edit Gambar
26	Latar Belakang
29	Fungsi Unsur
31	Fungsi Muat Naik
34	Teks
37	Gambar
39	Tips Berguna
44	Jom Jelajahi Canva
55	Latihan
64	Bibliografi
65	Biodata Penulis

Pengenalan


“

Canva adalah platform reka bentuk grafik, digunakan untuk membuat grafik media sosial, persembahan, poster, dokumen dan kandungan visual lain. Aplikasi ini merangkumi templat untuk digunakan oleh pengguna. Platform ini digunakan secara percuma dan menawarkan langganan berbayar seperti Canva Pro dan Canva for Enterprise untuk fungsi tambahan


”




Merupakan perisian atas talian di mana hasil kerja disimpan secara masa nyata (*realtime*).



Boleh dilayari menggunakan laptop, PC dan handphone.



Membolehkan sesiapa sahaja menghasilkan rekabentuk grafik yang menarik dengan mudah melalui kaedah *drag and drop*.



Anda boleh *sign up* menggunakan akaun Facebook, Google atau emel.




*Apa Yang Saya
Boleh Lakukan
Dengan
CANVA?*

Pilih daripada lebih sejuta gambar



Ribuan layouts (susun atur) yang boleh disesuaikan



Penyuntingan foto yang mudah



Bekerjasama dengan sesiapa sahaja,
di mana sahaja





*Siapa yang
menggunakan
CANVA?*



Blogger

Ahli perniagaan

Pemasar

Guru

Pelajar


Dan sesiapa sahaja..





Mendaftar Akun

Log Masuk ke Akaun



Anda boleh memulakan log masuk anda dengan menggunakan akaun Google, Facebook atau email anda melalui butang Log masuk pada bahagian kanan di atas.


Pengguna Baharu

The screenshot shows a purple header with the text "Design, collaborate, share". Below the header is a navigation bar with icons for "For you", "Presentations", "Social media", "Video", "Print products", "Marketing", "Office", and "More". A teal arrow starts from the "Sign up" button in the top right corner and curves down to point at the "More" icon. Below the navigation bar are examples of different types of designs: "Instagram Post", "Facebook Post", "Poster", "Logo", "Flyer", "Social Media", and "YouTube Thu".

Langkah Pertama


Start inspired

With thousands of professional templates, images and quality content to choose from, get a headstart on bringing your best ideas and work to life.




Jika anda merupakan pengguna baharu,
anda perlu tekan butang Sign up untuk
mendaftar terlebih dahulu.

Langkah Kedua




Seterusnya anda boleh memilih akaun untuk masuk ke akaun Canva. Anda boleh memilih log masuk melalui email anda.

Langkah Ketiga



Langkah seterusnya, masukkan email anda pada bahagian yang disediakan. Tekan butang seterusnya.

Langkah Keempat



Masukkan katalaluan anda dan tekan butang seterusnya.

Paparan Persekutuan Akaun Canva Anda

The screenshot shows the Canva website interface. At the top, there's a navigation bar with links for 'Design spotlight', 'Business', 'Education', 'Plans and pricing', and 'Learn'. On the far right are icons for help, settings, notifications, and a 'Create a design' button. Below the navigation is a search bar with the placeholder 'Search your content or Canva's...'. To the right of the search bar are buttons for 'Custom size' and 'Upload'. The main area features a large blue gradient background with the text 'What will you design?'. Below the search bar are several circular icons representing different design categories: 'For you', 'Presentations', 'Social media', 'Video', 'Print products', 'Marketing', 'Office', and 'More'. Underneath these categories are tabs for 'Popular', 'Marketing', 'Gifts', 'Stationery', 'Clothing', and 'Cards & Invites'. A 'Popular' section displays thumbnails for various designs: 'Wall Calendar', 'Business Card', 'Circle Sticker', 'Postcard', 'Flyer (Portrait)', 'Invitation (Square)', 'Poster (Portrait)', and 'Mug'. On the left side, there's a sidebar with sections for 'Team' (listing 'NORAZMIRA BINTI AB...', 'Try Canva for Teams', 'Home', 'Templates', and 'Projects'), 'Tools' (listing 'Brand', 'Content Planner', 'Discover apps', and 'Smartmockups'), and a 'Discover' section with two orange circular icons.

Ini merupakan paparan hadapan
persekitaran Canva

The screenshot shows the Canva account settings interface. At the top left is a navigation bar with icons for search, settings, and notifications, followed by a purple 'Create a design' button and a user profile icon with a 'N'. A dropdown menu is open from the profile icon, listing options: 'Account settings' (selected), 'Get help', 'Get the Canva Apps', 'Refer friends', 'Privacy policy', and 'Sign out'. Below this, the main content area is titled 'Your account'. It features a circular 'Profile Photo' placeholder with a large white 'N' on a red background. To its right are 'Remove photo' and 'Change photo' buttons. The 'Name' section shows 'NORAZMIRA BINTI ABD RAHMAN (KKPSA)' with an 'Edit' button. The 'Email address' section shows 'norazmira@kkpsa.edu.my' with an 'Edit' button. Under 'What will you be using Canva for?', a dropdown menu is set to 'Personal'. The 'Language' section shows 'English (US)' with a dropdown arrow. In the 'Connected social accounts' section, there is a Google account entry for 'NORAZMIRA BINTI ABD RAHMAN (KKPSA)' with a 'Disconnect' button.


Anda boleh mengubah setting akaun anda pada fungsi Account Settings.

Anda boleh mengubah gambar, maklumat nama, alamat emel, tujuan menggunakan Canva, bahasa dan akaun yang terhubung dengan akaun Canva anda.

Fungsi Carian



Cara Untuk Membuat Carian




Pengguna dapat mencari apa-apa sahaja daripada fungsi carian berdasarkan kata kunci.

Edit Gambar




Penapis



Penapis digunakan untuk memberikan kesan khas kepada gambar anda.

Smartmockups



Smartmockups digunakan untuk memasukkan gambar anda pada gambar lain.

Fotogenik




Fungsi ini dapat mengubah kualiti gambar menjadi lebih cantik.

Latar Belakang




Pilih Latar Belakang Pada Templat




Gunakan templat latar belakang Canva untuk memberikan latar belakang reka bentuk anda yang bertekstur dan lebih menarik secara visual.


Pilih Warna Latar




Sebelum anda boleh memilih warna latar belakang anda dengan cara klik butang seperti di atas, anda perlulah klik terlebih dahulu ruangan keseluruhan mukasurat yang ingin diubah.



Fungsi Unsur



Unsur




Anda boleh memasukkan pelbagai corak atau unsur seperti garisan, frame, anak panah, bulatan, bunga, segiempat dan pelbagai bentuk lain untuk mencantikkan rekabentuk projek anda.

Fungsi Muatnaik




Muatnaik Gambar




Anda boleh memuat naik gambar sendiri untuk digunakan di dalam projek anda dengan menekan butang memuat naik fail dan pilih fail daripada komputer anda. Selain itu, anda juga boleh memilih gambar yang terdapat di dalam galeri Drive, Dropbox, Facebook dan Instagram anda pada butang titik tiga.

Muatnaik Video dan Bunyi




Anda juga boleh memuat naik video dan bunyi daripada Drive, Dropbox, Facebook dan Instagram anda ke dalam projek Canva anda.

Teks




Menggunakan Kotak Teks



Pengguna boleh memilih teks terus dari bahagian Tambah tajuk, Tambah tajuk Kecik atau Tambah sedikit teks isi dan sesuaikan dengan jenis tulisan dan saiz untuk melengkapkan reka bentuk anda.

Kotak Teks




Sekiranya anda tidak pasti mahu memulakannya, pilihlah beratus teks dari kotak teks untuk merangka teks anda dengan lebih menarik.

Gambar



Gambar




Anda boleh memasukkan foto kegemaran anda dari fungsi gambar yang disediakan oleh Canva ke dalam projek anda.


Tips Berguna



Susunan Halaman




Anda boleh mengubah kedudukan halaman anda dengan cara klik anak panah atas atau bawah.



Anda juga boleh mengunci, membuat pendua, memadam serta menambah halaman reka bentuk anda dengan klik ikon yang telah disediakan.


Cara Mendapatkan Fail Untuk Cetakan




Tukar reka bentuk anda menjadi PDF atau PNG dengan cara klik pada fungsi Fail > Muat turun. Anda boleh memilih jenis format fail yang bersesuaian dengan keperluan anda.

Kongsi dan Bekerjasama


Berkongsi



Anda boleh berkongsi projek anda dengan orang lain melalui emel. Tekan butang kongsi, masukkan alamat emel penerima dan tekan butang hantar. Projek anda sudah berjaya dikongsi dengan orang lain.





Kongsi dan Bekerjasama




Kongsi reka bentuk anda menggunakan pautan dengan cara klik butang salin pautan. Anda juga boleh berkongsi projek anda melalui pautan di media sosial.

Jom Gelajahi Canva




Cipta Rekabentuk



Pilih jenis-jenis rekabentuk yang ingin dibangunkan dengan cara klik butang cipta rekabentuk.


Rekabentuk Yang Akan Dicipta




You might want to try...



Anda boleh memilih jenis rekabentuk yang anda ingin bangunkan di sini.




Templat Perniagaan




Anda boleh memilih pelbagai jenis templat yang sedia ada mengikut kategori projek, gambar di atas merupakan contoh templat yang terdapat di dalam kategori perniagaan. Templat ini terdiri dari pembentangan, tapak web, logo, kad bisnes, invois dan pelbagai jenis templat lain yang berkaitan dengan bidang perniagaan.

Templat Media Sosial




Templat media sosial merupakan templat sedia ada untuk memudahkan para pengguna menghantar isi kandungan melalui media sosial seperti Instagram, Facebook, status Whatapps, Tiktok, Twitter dan lain-lain.

Templat Video



Para pengguna akan dapat memilih Templat Video samaada untuk membuat video Facebook, video mesej , video mudah alih , video kolaj , video iklan dan pelbagai lagi video-video yang lain.

Templat Pemasaran



Templat Pemasaran menyediakan pelbagai jenis templat antaranya ialah poster, risalah, infografik, brosur dan lain-lain yang bersesuaian dengan bidang pemasaran.

Templat Produk Cetak

The screenshot shows the Canva website interface. At the top, there's a navigation bar with links for Home, Design spotlight, Business, Education, Plans and pricing, and Learn. A search bar says "Search thousands of templates". On the right, there are icons for help, settings, notifications, and a purple "Create a design" button. Below the navigation, the main content area has a sidebar on the left with categories like Home, All templates, Business, Social Media, Video, Marketing (which is selected), Custom Prints, T-Shirt, Canvas Print, Sticker, Mug, Photo Book, Label, Hoodie, Banner, Yard Sign, Certificate (Landscape), Cards & Invitations, and Education. The main content area features a heading "Bring your designs to life" and subtext "Print your best designs, the sustainable way." It shows examples of custom prints: a framed plant print, a t-shirt with a rainbow design, a canvas print of a person at a campsite, a sticker with a flower, a mug with a sparkles design, a photo book with two people, and a label for "LESLIES". Below these are more examples: a hoodie with a pride design, a banner for an ultimate black Friday sale, a yard sign with a cat warning, and a certificate for William Johnson.

Templat produk cetakan digunakan untuk merekabentuk t-shirt, canvas, cawan, stiker, label dan lain-lain.

Templat Kad dan Undangan

The screenshot shows the Canva website interface. At the top, there's a navigation bar with links for 'Design spotlight', 'Business', 'Education', 'Plans and pricing', and 'Learn'. A search bar says 'Search thousands of templates'. On the right, there are icons for help, notifications, and a 'Create a design' button.

The main content area has a breadcrumb trail: 'Home > Templates > Cards & Invitations'. To the left, a sidebar menu is open under 'Cards & Invitations', showing options like 'Invitation', 'Card', 'Postcard', and 'Education'. The 'Invitation' option is highlighted with a yellow border.

The central area features a section titled 'Get personal' with the sub-instruction 'Create cards and invitations to remember.' Below this, there are three categories: 'Invitations', 'Cards', and 'Postcards', each with a representative image.

At the bottom, there's a section titled 'Browse high quality cards and invitations templates' with several thumbnail previews of different designs.

Template ini adalah untuk merekabentuk kad ucapan, poskad dan kad undangan.

Templat Pendidikan

The screenshot shows the Canva website interface. At the top, there is a navigation bar with links for Home, Design spotlight, Business, Education, Plans and pricing, and Learn. A search bar is located at the top right. Below the navigation, the URL indicates the user is in the 'Templates > Education' section. On the left, a sidebar menu is open under the 'Education' category, which is highlighted with a yellow border. The sidebar lists various template types: Education Presentation, Educational Video, Education Infographic, Classroom Poster, Worksheet, Flashcard, Storyboard, Comic Strip, Group Work, Classroom Newsletter, and School Newsletter. To the right of the sidebar, the main content area displays a grid of education-related templates. The first template in the grid is titled 'Education' with the subtitle 'Inspire, engage, and empower.' It features a preview image of a worksheet with a ruler and a pencil. Below this are nine more template categories: Education Presentations, Educational Videos, Education Infographics, Classroom Posters, Worksheets, Flashcards, Storyboards, Comic Strips, Group Work, Classroom Newsletters, and School Newsletters. Each category has a representative thumbnail image.

Templat pendidikan digunakan untuk merekabentuk rekabentuk dalam bidang pendidikan untuk membantu pengajar dan pelajar seperti pelan pengajaran, lembaran kerja, sijil, papan cerita dan lain-lain sesuai dengan bidang pendidikan.

Projek Anda

Kerja terdahulu

Projects

Your projects 

All Folders Designs Images

Recent



Asas Aplikasi
A4



fadly irwan bin fazilal
Poster



2019
Presentation



KURSUS DATA STUDIO
Poster

Folders



Purchased




Starred



Uploads


Anda boleh melihat kembali kerja anda sebelum ini dengan cara klik pada butang utama dan seterusnya klik butang projek.

Latihan



Latihan

Pilih Menu Media Sosial




The screenshot shows the Canva homepage with a gradient header from teal to purple. The main title "What will you design?" is centered above a search bar with placeholder text "Search your content or Canva's". Below the search bar is a navigation bar with icons for "For you", "Whiteboards", "Presentation", "Social media" (which is highlighted with a pink border), "Videos", "Print products", "Marketing", and "More". To the right of the navigation bar are "Custom size" and "Upload" buttons. Below the navigation bar, there are two tabs: "Popular" (selected) and "Instagram" and "Facebook". The "Popular" section displays seven design templates: "Quick Create Collection", "Edit Photo", "Instagram Post (Square)", "Facebook Post", "Instagram Story", "Your Story", and "WhatsApp Status". Each template has a small description below it. The "Instagram" section shows a horizontal scrollable row of six Instagram post designs.

Pilih dahulu jenis projek yang ingin dibangunkan. Bagi latihan ini anda perlu klik pada pilihan Media Sosial.

Latihan

Pilih Instagram Post




The screenshot shows the Canva dashboard with a gradient background from blue to purple. At the top, there's a search bar and categories for 'For you', 'Whiteboards', 'Presentations', 'Social media', 'Videos', 'Print products', 'Marketing', and 'More'. Below the search bar, there are tabs for 'Popular' (selected), 'Instagram', and 'Facebook'. The main area displays various design templates under the 'Popular' tab, including 'Quick Create Collection', 'Edit Photo', 'Instagram Post (Square)', 'Facebook Post', 'Instagram Story', 'Your Story', and 'WhatsApp Status'. The 'Instagram Post (Square)' template is highlighted with a pink border. The bottom section shows a row of mobile phone icons representing different Instagram post designs.

Kemudian, pilih templat Siaran Instagram (petak).

Latihan


Mulakan design anda



Ini merupakan paparan kosong untuk rekabentuk anda.

Latihan


Pilih latar belakang




Pilih latar belakang yang anda sukai di ruangan templat.

Latihan

Memasukkan gambar





Langkah 1 - Tekan butang Muat naik fail.




Langkah 2 - Pilih gambar dari fail anda yang terdapat di dalam komputer atau galeri telefon anda.

Latihan

Memasukkan gambar





Langkah 3 - Klik dua kali pada gambar yang telah di muat naik.



Langkah 4- Gambar telah sedia ada. Anda boleh mengubah saiz atau kedudukan gambar anda menggunakan ikon fungsi pusingan.

Latihan

Memasukkan teks



Klik pada butang Teks dan pilih jenis tulisan yang anda suka. Anda juga boleh mengubah jenis teks, saiz dan warna mengikut kreativiti anda

Latihan

Hasil Akhir



Ini merupakan hasil akhir rekabentuk yang telah anda hasilkan dan sedia untuk di muat naik di media sosial anda.

Bibliografi

Koushik K. (2020), *Canva Tips and Tricks Beyond The Limits* : Draft2Digital

Lateefah Raji. (2021), *Design with Canva: A Complete Guide on How to Use Canva*: Independently Published

Mohd Ridzuan Mohd Taib (2022), *Penghasilan Poster Menggunakan Canva*, Retrieved 10 Mac 2022, from https://drive.google.com/file/d/1p9bcJfWKYznGw_tYpfz8nR1E8r9PYjQw/view

S.L Counte. (2019), *Designing a Book Cover When You Aren't a Designer: Creating Stunning Book Covers with Canva In Minutes*: Indy Pub

Utami Pratiwi, S.Pd. (2021), *Mudah Belajar Desain Grafis Dengan Aplikasi CANVA*: DIVA Press

Biodata Penulis



Penulis merupakan graduan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sains Komputer) pada tahun 2005. Mula berkhidmat di Kolej Komuniti Pasir Salak pada tahun 2008 sehingga kini. Berpengalaman mengajar dalam bidang Teknologi Maklumat selama hampir 14 tahun di Kolej Komuniti. Minat pembangunan inovasi dan teknologi, penyeliaan adalah dalam bidang Teknologi Maklumat dan Multimedia. Buku ini ditulis bagi memberi kefahaman dan seterusnya meningkatkan kualiti reka bentuk canva sama ada dalam kalangan pelajar, pensyarah, guru, pekerja korporat dan masyarakat menggunakan Canva. Selain itu, reka bentuk yang menarik dan interaktif dapat menarik perhatian pengguna. Buku ini sesuai untuk di baca oleh semua peringkat umur dan latarbelakang kerana kandungannya dipermudahkan dengan langkah demi langkah yang dapat membantu pengguna lebih memahami.

Biodata Penulis



Penulis merupakan graduan daripada Universiti Malaya (UM) dan menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sains Maklumat) pada 04 Ogos tahun 2004. Mula berkhidmat di Kolej Komuniti Pasir Salak pada tahun 2008 sehingga tahun 2021 dan bermula April 2021 hingga kini berkhidmat di Kolej Komuniti Gerik. Berpengalaman mengajar dalam bidang Teknologi Maklumat selama hampir 14 tahun di Kolej Komuniti. Minat pembangunan inovasi dan teknologi, penyeliaan adalah dalam bidang Teknologi Maklumat dan Pangkalan Data. Buku ini ditulis bagi memberi kefahaman dan seterusnya meningkatkan kualiti reka bentuk canva sama ada dalam kalangan pelajar, pensyarah, guru, pekerja korporat dan masyarakat menggunakan Canva. Selain itu, reka bentuk yang menarik dan interaktif dapat menarik perhatian pengguna. Buku ini sesuai untuk di baca oleh semua peringkat umur dan latarbelakang kerana kandungannya dipermudahkan dengan langkah demi langkah yang dapat membantu pengguna lebih memahami.

Biodata Penulis



Penulis merupakan graduan daripada Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM) dan menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat pada tahun 2006 dan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional pada tahun 2008. Mula berkhidmat di Kolej Komuniti Pasir Salak pada tahun 2008 sehingga kini. Berpengalaman mengajar dalam bidang Teknologi Maklumat selama hampir 14 tahun di Kolej Komuniti. Minat pembangunan inovasi dan teknologi, penyeliaan adalah dalam bidang Teknologi Maklumat dan Pengaturcaraan. Buku ini ditulis bagi memberi kefahaman dan seterusnya meningkatkan kualiti reka bentuk canva sama ada dalam kalangan pelajar, pensyarah, guru, pekerja korporat dan masyarakat menggunakan Canva. Selain itu, reka bentuk yang menarik dan interaktif dapat menarik perhatian pengguna. Buku ini sesuai untuk di baca oleh semua peringkat umur dan latarbelakang kerana kandungannya dipermudahkan dengan langkah demi langkah yang dapat membantu pengguna lebih memahami.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kolej Komuniti Pasir Salak, Kampung Gajah, Perak. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbit oleh :

Kolej Komuniti Pasir Salak
Jalan Lebuh Paduka
Changkat Lada
36800 Kampung Gajah, Perak
Malaysia

Tel : 05-655 2300

Faks : 05-655 2800

Laman Web : <https://kkpasirsalak.mypolycc.edu.my/>

e ISBN 978-967-16652-8-2



9 7 8 9 6 7 1 6 6 5 2 8 2
Asas Aplikasi Canva